

15/12/1999

Bapa Internet puji kemampuan Malaysia

Nor Liza Ahmad

SELEPAS 30 tahun, Internet menjadi teknologi paling pantas berkembang dan diterima masyarakat dunia.

Sangat pantas lebuh raya yang menggabungkan beribu sistem pelayan Internet itu berkembang sehingga mengatasi teknologi lain yang pernah diperkenalkan abad ini.

Dalam tempoh 30 tahun, jumlah pengguna Internet mengatasi radio dan jika diambil kira tempoh itu, ia dengan mudah mengatasi jumlah pengguna televisyen.

Tidak hairanlah kini terdapat 201 juta pengguna di seluruh dunia dengan 112.4 juta pengguna terdapat di Amerika Utara, benua yang menjadi tempat lahir Internet dan teknologi berkaitan.

Ribut Internet itu tidak terhad di negara maju. Konsep sejagatnya dan tarikan kepada kemungkinan yang mungkin dicapai pada masa depan memperkembangkan penerimaannya di rantau sebelah sini.

Malah, Malaysia antara negara paling awal di rantau ini yang mula membina jaringan yang membolehkan rakyat negara ini mencapai Internet pada 1980-an.

Pengiktirafan kekuatan Internet sebagai saluran maklumat masa depan dapat dilihat dengan pelaburan besar dilakukan dalam membolehkan rakyat negara ini dirangkai ke Internet.

Ia juga yang dilihat sebagai antara pasaran penting kepada perkembangan teknologi maklumat (IT) selain memanfaatkan sepenuhnya peluang pelaburan sektor berkenaan dengan mengeksport perkhidmatan berasaskan teknologi tinggi.

Ekonomi masa depan era digital akan berteraskan kepada konsep Internet dan ini turut diakui pakar teknologi yang juga pencipta protokol TCP/IP Internet, Dr Vinton G Cerf.

Katanya, kemampuan Malaysia mencatat pertumbuhan besar akan tercapai dengan memperhebatkan lagi usaha meneroka lebih banyak potensi pelaburan dalam industri itu.

Ini kerana, katanya, perkembangan IT bukan saja untuk kepentingan masyarakat tempatan malah ia boleh diperluaskan ke pasaran serantau dan antarabangsa.

"Ia adalah idea yang cukup baik dan memainkan peranan penting kepada perkembangan industri berteknologi tinggi sesebuah negara.

"Saya berpendapat Malaysia mempunyai potensi dan keupayaan besar untuk merangsang pertumbuhan IT. Negara ini juga mempunyai banyak tenaga mahir dalam industri ini," katanya dalam satu temubual di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Cerf yang turut digelar Bapa Internet kerana kejayaan bersama sahabatnya, Robert E Kahn, mencipta Protokol Kawalan Penghantaran dan Protokol Internet (TCP/IP) bagi membolehkan komputer yang selama ini kaku, berkomunikasi antara satu sama lain.

Beliau berkata, selain itu dasar kerajaan yang menggalakkan perkembangan IT secara tidak langsung membantu memantapkan pertumbuhan industri berkenaan di negara ini.

Antara dasar paling jelas dalam menggalakkan perkembangan industri baru itu ialah projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diumumkan pada 1995 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, inisiatif itu digabungkan dengan pelaksanaan tujuh aplikasi perdana MSC yang akan menyaksikan pelaksanaan, rekaan, penyelidikan dan

pembangunan aplikasi dan teknologi yang sebahagian besar berteraskan Internet.

Walaupun penguasaan Internet di kalangan rakyat Malaysia masih kecil, iaitu pada kadar 10 peratus daripada 22 juta penduduk, namun beliau percaya masih banyak ruang untuk diperluaskan.

"Saya melihat dasar kerajaan Malaysia yang menitikberatkan perkembangan dan kepentingan pembangunan teknologi tinggi secara tidak langsung mencetuskan minat masyarakat negara ini terhadap kepentingan Internet.

"Aspek lain yang memainkan peranan penting ialah inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC), berupaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pembangunan teknologi tinggi," katanya sambil menambah usaha kerajaan itu turut menjadi penarik kepada pelabur asing.

Mengimbas kembali perkembangan Internet di negara ini sejak diperkenalkan pada akhir 1980-an dengan satu penyedia perkhidmatan iaitu Jaring, di bawah kendalian Mimos Berhad, kini mampu berbangga dengan pencapaian sekarang.

Cerf dalam lawatan seharinya ke negara ini minggu lalu turut membentangkan kertas kerja bertajuk "Internet: Masa lalu, sekarang dan masa depan" pada seminar Internet 2000 anjuran Strategic Paradigm.

Beliau yang sudah tiga kali mengunjungi Malaysia, melahirkan kegembiraannya terhadap perkembangan Internet sekarang.

Sejak mula mencipta protokol TCP/IP pada 1973, beliau berkata, ia mengambil masa 10 tahun bagi meyakinkannya bahawa Internet boleh diterima pengguna.

Katanya, antara perkara penting yang merangsang perkembangan pelaburan swasta di negara ini ialah dasar liberalisasi kerajaan bagi menarik lebih banyak pelaburan swasta.

"Antara sebab lain yang saya lihat cukup penting bagi membangunkan sektor ini ialah kerjasama mewujudkan modal kerja bagi membantu syarikat mendapatkan suntikan modal.

"Bagaimanapun saya tidak tahu secara terperinci mengenai situasi di negara ini," katanya sambil menambah pembiayaan dalam bentuk modal teroka perlu dipertingkatkan bagi menyokong pembangunan industri baru berteknologi tinggi bagi menjana kepada perkembangan ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau juga mencadangkan supaya lebih banyak syarikat modal teroka menyertai industri berteknologi tinggi bagi menyuntik modal kepada syarikat baru bergiat dalam sektor berkenaan.

Cerf yang juga Naib Presiden Kanan Teknologi dan Reka Bentuk Internet MCI WorldCom berkata, berikutan keyakinan terhadap potensi pelaburan di Malaysia turut mendorong kumpulan itu untuk melabur di negara ini tahun depan.

"Malaysia berupaya menjadi antara pasaran penting MCI WorldCom sejajar perkembangan ekonomi negara," katanya.

Menyentuh mengenai cabaran pembangunan prasarana telekomunikasi di rantau ini yang mencatat pertumbuhan pesat Cerf berkata, persaingan dalam industri ini dilihat cukup sengit.

Bagaimanapun, pemilihan Internet sebagai teras ekonomi Malaysia antara pilihan terbaik kerana ia bakal menjadi teras ekonomi digital dengan nilai barang dan perkhidmatan yang didagangkan mencapai nilai AS\$327 bilion pada 2002 berbanding AS\$8 bilion ketika ini.

Sementara itu, perdagangan melalui Internet dijangka meningkat kepada AS\$3.2 trilion pada 2003. Dan pembabitan hanya satu atau dua peratus dalam bidang ini mencukupi untuk menjana pertumbuhan sihat untuk alaf depan.

(END)